

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Sukan
Sent: Tuesday, October 2, 2018 12:19 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Mohamad Zaki bin Ahmad
Subject: Kejayaan Berganda Pasukan Futsal UUM



02 OKTOBER 2018 / 22 MUHARAM 1439H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

KEJAYAAN BERGANDA PASUKAN FUTSAL UUM



PSUKAN ONLINE : Pasukan futsal pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) memperolehi kejayaan berganda apabila layak ke Kejohanan Liga Super IPT musim 2019 dan Saudara Affan Ghiffary Ikhwan telah dinobatkan sebagai Penjaga Gol Terbaik Liga Futsal IPT 2018.

UUM naib juara dalam Kejohanan Liga Perdana Futsal IPT 2018 semalam bertempat di Universiti Sains Malaysia (USM) dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM 3,500.00.

Samsul Abd Latif selaku jurulatih pasukan futsal berkata, “ Kejayaan ini adalah berkat kerja keras dan gigih semua pemain dalam menghadapi latihan dan perlawanan yg dijadualkan”.

Ini bukan semata-mata kejayaan individu tetapi adalah kejayaan pasukan UUM, katanya lagi.

Pengarah Pusat Sukan, Dr. Mohammad Zaki Bin Ahmad berharap kejayaan berganda yang dicapai akan menjadi pemangkin kepada pasukan untuk mengharungi musim yang lebih mencabar lagi pada tahun hadapan.

Semoga ini juga menjadi dorongan kepada lain-lain pasukan universiti yang bertanding dalam apa jua kejohanan yang disertai.

Tambahnya lagi, Pusat Sukan akan memastikan para atlet universiti terus mendapat kemudahan dan kepakaran sewajarnya bagi memastikan lebih banyak kejayaan dicapai pada masa hadapan.

Tahniah dan semoga pasukan futsal UUM akan meneruskan rentak kecemerlangan di Liga Super IPT 2019 pada tahun hadapan.

=====

DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.